

NO SOALAN : 40

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG
(KLUANG)
TARIKH : 16.6.2015
(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah kapal perang luar negara yang melalui Selat Melaka dari 2005 hingga 2015 mengikut negara dengan pecahan berikut:-

- (a) kapal pengangkut pesawat, kapal selam, cruiser, kapal pembinasa, frigat, korvet, rondaan, bantuan, pengintip; dan**
- (b) kuasa nuklear dan konvensional.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh 2005 hingga 2015, sebanyak 547 buah kapal perang dari 23 buah negara telah melalui Selat Melaka dengan purata 55 kapal setahun atau 5 buah kapal sebulan.

Secara keseluruhan, 9 buah adalah kapal pengangkut pesawat, 12 buah kapal selam, 7 buah kapal cruiser, 92 buah kapal pembinasa, 135 buah kapal frigat, 29 buah kapal korvet dan 98 buah dari kapal kategori rondaan. Selebihnya 165 buah adalah dari kapal kategori bantuan. Pecahan mengikut negara seperti berikut:

(a) Amerika Syarikat. 137 buah kapal - 8 pengangkut pesawat, 8 kapal selam, 7 *cruisers*, 37 kapal pembinasa, 18 frigat, dan 59 kapal bantuan.

(b) Australia. 47 buah kapal – 1 kapal selam, 23 frigat, 7 kapal ronda dan 16 kapal bantuan.

(c) Singapura. 61 buah kapal – 15 frigat, 13 korvet, 19 kapal ronda dan 14 kapal bantuan.

(d) Thailand. 49 buah kapal – 4 korvet, 5 frigat, 27 kapal ronda dan 13 kapal bantuan.

(e) Jepun. 38 buah kapal – 31 kapal pembinasas, 3 frigat dan 4 kapal bantuan.

(f) Perancis. 26 buah kapal – 2 kapal pembinasas, 11 frigat dan 13 kapal bantuan.

(g) Indonesia. 45 buah kapal – 1 frigat, 4 korvet, 31 kapal ronda dan 9 kapal bantuan.

(h) China. 35 buah kapal – 3 kapal selam, 7 kapal pembinasas, 18 frigat, dan 7 kapal bantuan.

(i) India. 35 buah kapal – 8 kapal pembinasas, 14 frigat, 4 korvet, 4 kapal ronda dan 5 kapal bantuan.

(j) United Kingdom. 15 buah kapal – 1 pengangkut pesawat, 1 kapal pembinasas, 6 frigat dan 7 kapal bantuan.

(k) New Zealand. 11 buah kapal – 7 frigat dan 4 kapal bantuan.

(l) Brunei. 9 buah kapal – 2 frigat, 6 kapal ronda dan 1 kapal bantuan.

(m) Pakistan. 6 buah kapal – 3 kapal pembinasas, 1 frigat dan 2 kapal bantuan.

- (n) **Filipina**. 12 buah kapal – 1 frigat, 4 korvet, 3 kapal ronda dan 4 kapal bantuan.
- (o) **Rusia**. 5 buah kapal – 3 kapal pembinasasa dan 2 kapal bantuan.
- (p) **Bangladesh**. 4 buah kapal – 3 frigat dan 1 kapal ronda.
- (q) **Kanada**. 3 buah kapal - 2 frigat dan 1 kapal ronda.
- (r) **Vietnam**. 2 frigat.
- (s) **Portugal**. 2 kapal bantuan.
- (t) **Korea Selatan**. 2 frigat.
- (u) **Afrika Selatan**. 1 frigat.
- (v) **Argentina**. 1 kapal bantuan.
- (w) **Oman**. 1 kapal bantuan.

Sebanyak 16 buah kapal daripada 547 buah kapal adalah berkuasa nuklear iaitu 8 buah kapal dari jenis pengangkut pesawat dan 8 buah kapal selam kesemuanya dari negara Amerika Syarikat.